

WARM WELCOME TO OUR NEW VICE CHANCELLOR/PRESIDENT

With great pleasure the Legal Office takes note of the appointment of a distinguished educationist, YBhg Emeritus Professor Dato' Dr Hassan Said who has been appointed the new Vice Chancellor of UiTM, effective 1 February 2016. He takes over from YBhg Tan Sri Dato' Sri Prof Ir Dr Sahol Hamid Abu Bakar whose term as Vice Chancellor of UiTM ended on 31 December 2015.

Prior to his appointment, Emeritus Professor Dato' Dr Hassan Said was the Vice Chancellor and President of Taylor's University, as well as the former Director-General of the Department of Higher Education, Ministry of Higher Education (January 2005 - April 2008). He holds a Bachelor's Degree in Mathematics from the University of Manchester, UK (1979), Master of Science from Brunel University, UK (1981) and a PhD from Brunel University (1984). He specialises in Computer-Aided Geometric Design.

We, at PPUU warmly welcome our new Vice Chancellor to UiTM. We are confident that in view of his excellent leadership record and academic achievements, YBhg Emeritus Professor Dato' Dr Hassan Said will take UiTM to a higher level, both in the richness of education and the quality of its staff.



*"Allah never changes a condition which
He has conferred upon a people until they
change what is in their own selves"*
(Holy Qur'an, Surah 8:53).

KESILAPAN DALAM PEMBAYARAN (MENURUT SEKSYEN 73 AKTA KONTRAK 1950)

Oleh: Shahrin Nordin*

Pendahuluan

Kadang-kadang berlaku keadaan di dalam sesuatu organisasi bahawa terdapat pembayaran yang dibuat secara silap, sedangkan ianya tidak sepatutnya dibuat. Perkara ini boleh berlaku atas beberapa faktor, yang utamanya ialah disumbangkan oleh pegawai yang terlepas pandang berkenaan pembayaran yang dibuat itu. Insiden sebegini mungkin melibatkan jumlah yang kecil, namun tidak dinafikan bahawa berlaku juga kesilapan atas amaun yang agak besar.

Artikel ini akan berkisar sekitar kesilapan yang dilakukan sama ada ketika mengeluarkan arahan atau kesilapan fakta sehingga menyebabkan pembayaran dibuat, walaupun pada asasnya pembayaran itu tidak sepatutnya dibuat.

Perkongsian selanjutnya akan memberikan sedikit pencerahan dan pemahaman tentang prinsip dan keperluan perundangan berkaitan dengan kesilapan dalam pembayaran ini. Rujukan silang juga turut dibuat dengan beberapa kes mahkamah yang akan menunjukkan pengoperasian prinsip perundangan yang berkaitan.

Undang-Undang Secara Am

Peruntukan undang-undang yang relevan berkaitan dengan kesilapan pembayaran ini adalah seperti yang terkandung di dalam seksyen 73 Akta Kontrak 1950. Seksyen 73 berkenaan menyatakan bahawa:-

"A person to whom money has been paid, or anything delivered by mistake or under coercion, must repay or return it."

Daripada pembacaan secara literal, tanggungjawab untuk memulangkan akibat dari kesilapan yang berlaku hanya akan bermula sekiranya keseluruhan intipati di bawah seksyen 73 telah wujud, iaitu:-

- (a) Pembayar (Payor);
- (b) Penerima bayaran (Payee);
- (c) Bayaran yang dibuat (Payment made); dan
- (d) Kesilapan (Mistake).

Ini bermakna seseorang yang menerima bayaran secara silap, mempunyai tanggungjawab untuk memulangkannya bukan sahaja selaras dengan kehendak seksyen 73 Akta Kontrak 1950, akan tetapi ianya juga bersandarkan kepada klausa tindakan duit yang diperolehi dan diterima (money had and received) dan unjust enrichment. Di dalam kes *Green Continental Furniture (M) Sdn Bhd v. Tenaga Nasional Bhd* [2011] 9 CLJ 92, Zamani A. Rahim, PK menyatakan bahawa:-

"Bayaran yang telah dibuat adalah lebih daripada bayaran yang sepatutnya. Defendan tidak berhak kepada wang yang terlebih bayar ini dan dari segi undang-undang semulajadi dan ekuiti, adalah tidak adil atau 'unconscionable' untuk defendan tidak mengembalikan wang tersebut kepada plaintif. Sebaliknya, dengan menyimpan wang yang terlebih bayaran tersebut, defendan memperoleh *"unjust enrichment"*. Maka, defendan mempunyai obligasi untuk memulangkan wang berlebihan yang telah diterimanya. Defendan tidak memplid atau mengemukakan apa-apa keterangan bahawa defendan telah mengubah kedudukan. Oleh itu, tidak ada prejudis atau ketidakadilan sekiranya defendan dikehendaki untuk memulangkan wang yang terlebih bayar tersebut."

Pengaplikasian Di Dalam Kes

Di dalam kes *Green Continental Furniture* tersebut, Plaintif telah membuat bayaran bil elektrik kepada Defendan berdasarkan Tarif B yang lebih tinggi kadar bayarannya daripada Tarif D. Plaintif telah hanya dikenakan bil oleh Defendan berdasarkan Tarif D sejak bulan Julai 2004. Plaintif menuntut perbezaan bayaran yang dibuat di antara Tarif B dan Tarif D yang berjumlah sebanyak RM307,485.45 atas dasar telah terlebih bayar akibat kesilapan.

Di dalam kes tersebut, Mahkamah telah membenarkan tuntutan Plaintif dan memutuskan bahawa:-

"Maka, Tarif yang sepatutnya dikenakan terhadap plaintif adalah Tarif D dan bukannya Tarif B. Penggunaan Tarif B terhadap plaintif adalah suatu kesilapan dan oleh itu, perbezaan di antara jumlah wang yang berdasarkan Tarif B yang sebenarnya telah dibayar oleh plaintif dan wang yang

*Pegawai Undang-Undang di Pejabat Undang-Undang, UiTM.

sepatutnya dibayar berdasarkan Tarif D adalah wang yang terlebih bayar oleh plaintif disebabkan kesilapan.

Berkenaan s. 73, persoalan yang perlu dipertimbangkan dalam menentukan sama ada terdapat kesilapan atau pembayaran wang akibat kesilapan adalah sama ada pembayaran tersebut adalah kena dibayar mengikut undang-undang (“legally due”). Oleh itu, sekiranya apa yang dinyatakan dalam kontrak tidak mengikut undang-undang, maka ia masih boleh terjumlah kepada kesilapan yang membawa kepada pemakaian s. 73.”

Prinsip “*money had and received*” dan “*unjust enrichment*” juga telah digunakan di dalam kes lain Bumiputra Commerce Bank Bhd v. Siti Fatimah Mohd Zain [2011] 2 CLJ 545, di mana Harmindar Singh Dhaliwal PK, telah menjelaskan bahawa:-

“It is noteworthy that as money paid under a mistake is repayable as money had and received, the claim for restitution is founded upon the principle of unjust enrichment. This development of the restitutionary claim of moneys had and received through unjust enrichment was probably inspired by the speech of Lord Mansfield in the case of Moses v. Macferlan which I had alluded to earlier. In this regard, it would also be obligatory to refer to, as a starting point on the subject, the speech of Lord Wright in Fibrosa Spolka Akcyjna v. Fairbairn Lawson Combe Barbour Ltd [1943] AC 32 at p 61:

It is clear that any civilised system of law is bound to provide remedies for cases of what has been called unjust enrichment or unjust benefit, that is, to prevent a man from retaining the money of, or some benefit derived from another, which it is against conscience that he should keep. Such remedies in English law are generically different from remedies in contract or in tort, and are now recognised to fall within a third category of the common law which has been called quasi-contract or restitution.”

Di dalam kes yang berlainan iaitu Affin Bank Bhd v. MMJ Exchange Sdn Bhd & Anor [2011] 9 CLJ 721, tuntutan bagi bayaran balik yang dibuat atas kesilapan ini boleh dipatahkan sekiranya wujud tiga keadaan seperti yang dinyatakan oleh Hakimnya iaitu Mary Lim, H, iaitu:-

- (i) Jika duit yang diberi secara tersilap itu sememangnya akan dipegang oleh penerimanya di dalam keadaan yang lain;
- (ii) Jika terdapat balasan (consideration) yang baik dan mencukupi; atau
- (iii) Jika terdapat perubahan secara bona fide kedudukan si penerima wang itu.

Bagi keadaan pengecualian yang ketiga itu, iaitu perubahan kedudukan penerima secara bona fide, ianya perlu berlaku tanpa ada sebarang tindakan untuk membuat semakan lanjut kepada pembayar bagi bayaran yang diterima. Dalam hal ini, si penerima yang telah ada pengetahuan tentang bayaran misteri yang diterima, mempunyai tanggungjawab untuk menyemak dan mengesahkan dengan si pembayar akan butiran bayaran tersebut. Tanggungjawab untuk memeriksa jika tidak dilaksanakan akan menggagalkan pembelaan si penerima. Inilah yang telah ditegaskan oleh

Harminder Singh Dhaliwal PK, di dalam kes Siti Fatimah Mohd Zain (supra), yang mana rujukan telah dibuat kepada kes Niru Battery Manufacturing Co v. Milestone Trading Ltd [2003] EWCA Civ 1446 yang menyatakan:-

“in order to defeat the defence of change in position it was not necessary to show that the recipient had been dishonest, merely that he had not acted in good faith; that a person who had or thought he had a good reason to believe that a payment had been made to him by mistake failed to act in good faith if he paid the money away without making enquiries of the payer.”

Di dalam menerima sebarang bayaran secara tersilap, si penerima mungkin menyatakan bahawa mereka adalah pihak yang tidak bersalah di dalam pembayaran tersebut. Bagaimanapun, hujahan ketidakbersalahan si penerima ini tidaklah boleh dijadikan sebagai suatu pembelaan, kerana si penerima itu sendiri tidak berhak kepada bayaran tersebut di bawah seksyen 73. Di dalam kes Phileo Allied Bank (M) Sdn Bhd v. Shahrul Bahthiar Tumpang & Ors. [2008] 9 CLJ 344, Abdul Wahab Patail H, ada menyebut bahawa:-


“Pursuant to s. 73 of the Contracts Act 1950, the defendants being persons who in the circumstances were persons to whom money has been paid or anything delivered by mistake, must repay or return it. Nothing in the said s. 73 provides an exception to an innocent party. Thus, even if the defendants were innocent and were themselves the victims of a fraudulent scheme, the nature of the payment or delivery to them by the plaintiff remained the same, and pursuant to s. 73 the plaintiff was entitled to repayment or return of it.”

Mungkin juga boleh dibangkitkan oleh si penerima bahawa kesilapan pembayaran tersebut adalah merupakan kecuaiannya di pihak pembayar, maka si pembayar perlulah menanggung risiko atas kecuaiannya mereka sendiri. Namun begitu, hujahan sebegini masih tidak menafikan kausa tindakan “*unjust enrichment*”, dan dengan itu adalah sesuatu yang tidak wajar untuk si penerima menerima sesuatu manfaat secara tidak sah (*unjust*). Pendekatan ini dipercehkan di dalam kes Bank Bumiputra Malaysia Bhd v. Hashbudin Hashim [1998] 2 CLJ Supp 332 yang ada digariskan bahawa:-

“By virtue of s. 73 of the Act, a person to whom money has been paid by mistake must return it. The appellant bank was, prima facie, entitled to recover the payment from the respondent. Neither of its knowledge of the insufficient fund in the customer’s account to cover the cheque nor of its negligence in paying the cheque to the respondent was a bar to its claim under s. 73 of the Act and under the common law on “money had and received”.

The provisions of s. 73 of the Act are very clear and without any exception, ie, that the payee must repay the money which has been paid by mistake. It is settled law that in an action for the recovery of money paid under mistake, the bank’s negligence is irrelevant.”

Di dalam kes Hashbudin Hashim (supra) ini, pihak bank, secara cuai, telah menunaikan cek dan membayar responden amaun cek sebanyak RM25,000.00 sedangkan cek tersebut telah pun diarahkan untuk diberhentikan bayarannya oleh pengeluar cek. Responden menghujahkan bahawa bayaran itu sememangnya dibuat atas balasan daripada transaksi



di antara beliau dan pengeluar cek menuntut daripada responden. Walaubagaimanapun, Mahkamah menyatakan bahawa cek yang telah diarahkan untuk diberhentikan bayaran tidak boleh ditunaikan dan sekiranya ditunaikan juga ianya telah dibuat secara silap. Walaupun terdapat kecuiaan di pihak bank, namun mahkamah membenarkan tuntutan oleh pihak bank dan pihak responden tetap perlu mengembalikan wang yang diterimanya atas autoriti seksyen 73, tanpa mengira sama ada terdapat kecuiaan atau tidak di pihak pembayar.

Nada yang sama turut diulangi di dalam kes *Green Continental Furniture* (supra), di mana telah ditegaskan bahawa:-

“Seksyen 73 adalah terpakai tidak kira sama ada kesilapan tersebut adalah kesilapan defendan, kesilapan plaintif atau kesilapan kedua-dua pihak. Apa yang penting adalah terdapat kesilapan yang menyebabkan berlakunya pembayaran wang yang sebenarnya tidak kena dibayar di bawah undang-undang. Maka, jikapun plaintif cuai dalam mengemukakan lesen pengilangan, kecuiaan itu tidak menjadi alasan untuk menafikan plaintif haknya di bawah s. 73 untuk mendapat kembali wang terlebih bayar.”

Perlu diambil perhatian juga bahawa sebarang pembayaran yang tersilap perlu dikembalikan kepada si pembayar tanpa mengira sama ada kesilapan tersebut berpunca dari kesilapan fakta mahupun kesilapan perundangan. Selagi mana bayaran itu tidak sepatutnya dibayar dan tidak sepatutnya diterima oleh si penerima, selagi itulah si penerima bertanggungjawab untuk memulangkan bayaran tersebut. Zulkefli Makinudin HB(Malaya) telah pun mengutarakan prinsip ini dan menegaskan berkenaan perkara yang sama di dalam kes *Malayan Banking Bhd v. Ching Suit Fee* [2012] 3 CLJ 606, iaitu:-

“Section 73 of the Contracts Act 1950 applies both to mistake of

fact as well as mistake of law. The Privy Council in the case of Shiba Prasad Singh v. Chandra Nandi [1949] LR 76 IA 244 when construing payment by mistake under s. 72 of the Indian Contracts Act which is in pari materia with our s. 73 stated that it must refer to a payment which was not due and which could not have been enforced. The mistake is in thinking that the money paid was due when in fact it was not due. In the Singapore case of F.C. Seck Trading as Oversea Structural Company v. Wong And Lee [1940] 1 LNS 19 it was held on appeal by the High Court that the court has the power to relieve against mistake of law as well as against mistake of fact if there is any equitable ground for doing so.”

Kesimpulan

Jika diperhatikan, prinsip perundangan di bawah seksyen 73 Akta Kontrak 1950 ini adalah jelas dan *straight forward*. Iaitu sebarang terimaan wang secara silap tetap perlu dikembalikan oleh si penerima. Asas pembayaran bukan sahaja atas autoriti seksyen 73 tersebut, akan tetapi juga atas prinsip *unjust enrichment* dan *money had and received* yang tidak membenarkan sebarang wang diterima secara tersilap.

JUSTICE

**“Never let your enmity for anyone lead you into the sin of deviating from justice. Always be just: that is the closest to being God-fearing”
(Holy Qur’an, Surah 5:8).**